

# Usim bawa pulang tujuh pingat



Peserta yang menyertai pertandingan Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013 anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) baru-baru ini.

**SEREMBAN** – Sebanyak tujuh produk yang dihasilkan pra-siswazah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berjaya memperolehi pingat dalam pertandingan *Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013* anjuran Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Penolong Pendaftar Usim, Mohd Zaini Othman berkata, pihaknya menghantar 10 produk untuk dipertandingkan dan tujuh berjaya merangkul pingat.

Beliau berkata, kontinjen penyelidik muda Usim yang

diketuai Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Prof Madya Dr Norita Md Norwawi itu mempertaruhkan tujuh projek dalam kategori *Social Transformation and Creative Arts*, manakala tiga produk lagi dalam kategori *Life Sciences*.

“Lima produk kita berjaya merangkul pingat gangsa, iaitu *E-Gelandangan, Module Laboratory Innovation Centre of Islamic Science Studies (ICISS), Clothline Cover (CLC), e-Mentoring dan Master Pie*.

“Manakala satu pingat perak melalui produk *Bambusia*

*Pasta* dan sebuah pingat emas bagi produk *Easy Jawi*. Produk *Easy Jawi* ini juga dinobatkan sebagai pemenang anugerah produk bagi *Social Impact Policy Award* dengan membawa pulang wang tunai RM 3000 dan sijil penghargaan,” katanya.

Sementara itu, Mohd Zaini berkata, penyertaan sulung pelajar Usim dalam *Community Research and Innovation Competition (CoRIC)* dengan produk *Isee* iaitu penciptaan kompas bagi kegunaan insan yang cacat penglihatan (OKU) juga amat

membanggakan apabila mendapat tempat ketiga.

NRIC pada kali ini yang bertemakan *Bridging Firsts Class Research and Innovation Through Sustainability Environment* mula dianjurkan sejak 2007 lalu dan sudah menunjukkan peningkatan penyertaan pasukan daripada seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara serta dan kualiti projek penyelidikan.

Manakala pada tahun ini, sebanyak 132 projek penyelidikan NRIC dan 13 projek CoRIC menyertainya.